

CNS1283

U GB 06-08 00209 BB626

bah

NEGERI PANTAI TIMUR PERLU GUNA KELEBIHAN MENARIK PELABUR

Mahathir - Timur

KUANTAN, 6 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata negeri-negeri di pantai timur perlu mengambil peluang daripada kelebihan masing-masing dalam menarik pelaburan luar dan tidak menunggu sehingga jalan-jalan perhubungan dengan pantai barat diperbaiki.

Perdana Menteri tidak menafikan bahawa komunikasi antara pantai barat dan timur perlu terus diperbaiki tetapi dalam pada itu negeri-negeri pantai timur perlu berusaha bagi memajukan sektor perindustriannya.

Bercakap pada persidangan akhbar selepas mendengar taklimat pembangunan negeri Pahang, di sini petang ini, beliau berkata negeri-negeri pantai timur perlu tentukan kelebihan yang ada padanya dan kelebihan itu ialah ianya menghadap ke Laut China Selatan.

Katanya kerajaan pusat sedang giat membangunkan perdagangan dengan negara-negara Amerika Latin dan kapal-kapal dari situ lebih mudah sampai ke negeri-negeri pantai timur dari ke negeri-negeri pantai barat.

+Selat Melaka tidak boleh mengambil kapal yang besar. Pelabuhan Klang hanya boleh mengambil kapal setakat 70,000 tan sedangkan Pelabuhan Kuantan boleh mengambil sehingga 120,000 tan.

+Bahkan jika didalamkan sedikit boleh mengambil kapal sehingga 200,000 tan yang bermakna di sini ada pelabuhan dalam yang beri peluang untuk kapal yang lebih besar seperti yang membawa bijih besi,+ katanya. -- Lagi

▼06/08/19-55MST

U GB 06-08 00181 BA285

bah

Mahathir - Timur 2 Kuantan

Pagi tadi, Dr Mahathir merasmikan perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1992 sebelum meninjau dari udara projek-projek pembangunan persisiran pantai Pahang dan Tasik Chini di Rompin. Malam ini, beliau menghadiri makan malam bersama para peladang, penternak dan nelayan di Dewan Indera Mulia, Bandar Indera Mahkota.

Perdana Menteri selanjutnya berkata, negara-negara seperti Laos, Vietnam dan Kemboja pula (yang turut berada di persisiran Laut China Selatan) sedang memajukan negara mereka serta memerlukan perdagangan (dengan negara-negara lain).

+Jika mereka (negeri-negeri pantai timur) tumpukan pada negara-negara di Laut China Selatan maka ia mempunyai potensi yang tidak kurang dari negeri-negeri di pantai barat tetapi strategi perlu diubah,+ katanya.

Beliau berkata, negeri-negeri pantai timur mempunyai potensi untuk maju memandangkan ia mempunyai kemudahan pusat bekalan yang boleh digunakan sebagai pembekal kepada kegiatan mencari gali minyak yang sedang pesat berlaku di Vietnam.

Begitu juga dengan industri besi waja kerana ketiga-tiga negara berkenaan yang sedang membangun, memerlukan besi waja untuk pembinaan yang boleh dibekal dari negeri-negeri pantai timur, katanya. -- Lagi

▼06/08/20-24MST

U GB 06-08 00147 BA286

bah

Mahathir - Timur 3 Kuantan

Sekarang pula katanya, pelabur sendiri berpendapat bahawa mereka tidak lagi berminat melabur di negeri-negeri pantai barat kerana kos yang semakin tinggi dan kekurangan tenaga kerja.

Mengenai tinjauannya selama kira-kira dua jam dari udara itu, Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan pembangunan yang berlaku di Pahang sekarang.

Sebelum ini, katanya, beliau hanya melihat banyak tapak industri disediakan oleh kerajaan negeri tetapi tinjauannya hari ini mendapati banyak daripada tapak-tapak itu telah mempunyai kilang.

Mengenai pembangunan di Tasik Chini, Perdana Menteri berkata, perunding sedang dicari bagi mengkaji kesan ekologi akibat cadangan pembinaan sebuah empangan.

Satu daripada daya tarikan Tasik Chini, katanya, ialah sungainya yang mengalir ke Sungai Pahang, yang merupakan sungai yang tutupi oleh pokok-pokok dan usaha kerajaan untuk membina empangan ialah bagi mengelak tasik itu terus menjadi cetek. -- Lagi

▼06/08/20-30MST

CNS1302

U GB 06-08 00090 BA287

bah

Mahathir - Timur 4 (Akhir) Kuantan

Beliau seterusnya menegur para pelabur terutamanya yang berkaitan dengan industri penginapan, kerana terlalu lambat membangunkan projek-projek penginapan mereka sedangkan Pahang menghadapi masalah kekurangan tempat penginapan itu.

+Hyatt Hotel (di Kuantan) sahaja mempunyai kadar penginapan 90 peratus. Bodohlah kalau pelabur tidak datang ke sini,+ katanya.

Beliau juga berkata, kerajaan pusat memang menggalakkan persaingan antara kerajaan-kerajaan negeri bagi membersihkan bandar-bandar mereka.

Taklimat pembangunan itu disampaikan oleh Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob. -- Bernama